



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **210106,210201 dan 210202 (Peralatan Dan Kelengkapan Komputer/Telekomunikasi)** bagi menyertai sebut harga tersebut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran
APMM/SH'B'/012/2014	Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) Pejabat Daerah Maritim Kudat	210105 210201 210202

1. Spesifikasi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) Pejabat Daerah Maritim Kudat adalah seperti di **Lampiran A**. Penyebut harga adalah diminta untuk menyemak dan meneliti spesifikasi serta syarat-syarat lain yang dinyatakan sebelum menawarkan harga. Sebarang maklumat tambahan jika diperlukan sila hubungi **Encik Mohd Sholihin bin Abdullah** di talian **03-8995 7000**.
2. Borang Sebut Harga (**Lampiran Q**) hendaklah diisi dengan lengkap. Semua butiran yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan terang dan jelas. Risalah (*brochure*), katalog dan dokumen yang berkaitan (jika ada) hendaklah disertakan bersama.
3. Semasa mengemukakan tawaran, penyebut harga **WAJIB** menyertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
 - a) Tawaran Sebut Harga (*Quotation*)
 - b) Lampiran A1/A2
 - c) Lampiran B - Kenyataan Mengenai Penyebut Harga
 - d) Lampiran Q - (Arahan Perbendaharaan 170)
 - e) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat / Perniagaan
 - f) Salinan Akuan Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
 - g) Salinan Penyata Bank untuk tiga bulan terakhir
 - h) Pengalaman kerja yang berkaitan dengan sebut harga
 - i) Katalog (sekiranya ada)
4. Dokumen tawaran Sebut Harga yang disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat, nombor Sebut Harga dan tajuk Sebut Harga ditulis di penjuru atas kiri dan dihantar secara manual di:-

Cawangan Perolehan
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 4, One IOI Square, IOI Resort
62502 PUTRAJAYA

tidak lewat daripada 17 Jun 2014, jam 12.00 tengah hari.

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Kadar 0.8% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one off payment).

Kadar 0.4% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM4,800.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payment) samada melalui Jadual Penghantaran, Pencapaian Perkhidmatan atau berdasarkan permintaan yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.

- SULIT-

JADUAL PEMATUHAN (SCHEDULE OF COMPLIANCE)

MEMBEKAL, MEMASANG, MENGUJI DAN MENTAULIAH RANGKAIAN DALAMAN PEJABAT APMM KUDAT, SABAH
 AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

1. Penyebut harga hendaklah menyediakan semua maklumat yang lengkap serta terperinci mengikut format seperti di jadual.
2. Sila sertakan bukti-bukti yang sah mengenai semua dakwaan penyebut harga dan nyatakan YA / TIDAK diruang "mematuhi".
3. Kegagalan menyediakan maklumat ini akan mengakibatkan tawaran ditolak oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

Bil	Spesifikasi Teknikal	Bil. Unit	Status	Mematuhi		Cadangan Harga	Peny
				M-Mandatory	Ya / Tidak		
TUJUAN							
Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Rangkaian Dalaman Pejabat APMM Kudat, Sabah							
SKOP PERKHIDMATAN DAN PEMBEKALAN BARANGAN							
1	Penyebut harga WAJIB membekal, memasang, menguji dan mentauliah perkhidmatan dan peralatan seperti berikut :						
1.1	Supply and Install CAT6 Patch Cord (3 meter), CAT 6 UTP kabel, CAT6 Face Plate + modular jack	22	M				
1.2	Supply and install GI pipe 1" (class A) and cover with soil		M				
1.3	Supply and install 2.5mm cable wire (SIRIM) using 1/2" pvc, High impact + 13 A socket.(single x11nos / triple x 17nos)	63	M				
	Supply and install DB box single phase (SIRIM) with :		M				
	a) 9'x14' wood for DB box panel.		M				
1.4	b) 63 A MCB	1 SET	M				
	c) 63 A ELCB		M				
	d) 14 pins cooper bar		M				
1.5	To cut and hack walkway and touch-up back to normal		M				
1.6	High Impact conduit		M				
1.7	Labelling		M				

AKTA RAHSIA RASMI KERAJAAN

2.0															
2.1	<p>Penyebut harga yang terlibat dengan projek ini perlu memastikan semua maklumat terperinci kerajaan tidak disalahgunakan dan terikat kepada akta keselamatan negara, polisi dan prosedur keselamatan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.</p>														
2.2	<p>Kakitangan syarikat/pihak ketiga yang terlibat dengan projek ini dikehendaki menandatangani surat pematuhan kepada Dasar Keselamatan ICT (DKICT) APMM dan surat Non Disclosure Agreement (NDA) yang disediakan oleh APMM.</p>														

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga)
.....

Saya, **(Nama Wakil Syarikat)** nombor K.P. yang mewakili **(Nama Syarikat)** nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau **(Nama Kementerian/Agensi)** mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **(Nama Kementerian/Agensi)** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan)
.....

(Nama dan No.KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

(Tajuk dan Nombor Tender/Sebut Harga)
.....

Saya, (**Nama Wakil Syarikat**) nombor K.P. yang mewakili (**Nama Syarikat**) nombor Pendaftaran dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau ~~mana-mana individu/ROS/ROC/ROW~~ (**Nama Wakil Syarikat**) syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau (**Nama Kementerian/Agensi**) mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam (**Nama Kementerian/Agensi**) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... (**Tandatangan**)
.....
(Nama dan No.KP)

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

KENYATAAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. **Nama Syarikat:**
(Sila lampirkan salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan)

2. **Alamat syarikat:**

.....
.....
.....

Telefon: Faks:.....

3. **Butiran Perniagaan:**

3.1 Nombor Pendaftaran Perniagaan/Syarikat:

3.2 Tarikh Perniagaan/Syarikat ditubuhkan :

4. **Pendaftaran Dengan Kementerian Kewangan:**

4.1 Tempoh Pendaftaran : Mulai
(Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran) : Hingga

4.2 Taraf Syarikat : *Bumiputera/Bukan Bumiputera

*(Sila sertakan salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia).

5. **Butiran Pemilikan Syarikat** (Isikan yang berkenaan sahaja)

Lembaga Pengarah:

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan	Warganegara

6. Modal Syarikat:

6.1 Nama dan Alamat Bank :

6.2 Purata Kewangan Syarikat bagi 3 bulan: RM
(sila sertakan penyata Bulanan Akaun Bank 3 Bulan terakhir)

7. Pengalaman Syarikat:

(Sila senaraikan pengalaman lepas yang ada kaitan dengan tawaran ini)

Bil.	Kementerian/Jabatan/Agensi	Butiran Kerja	Nilai (RM)	Tempoh	
				Dari	Hingga

LAMPIRAN Q

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebutharga : APMM/SH'B'/012/2014

**KERAJAAN MALAYSIA
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WP PUTRAJAYA**

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN

Kepada (Nama Syarikat)
.....
No. Telefon
No.Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan
.....
Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan
pembelian ini**210105,210201 dan**
210202...

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh Jabatan (Alamat
Lengkap)

**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI
TINGKAT 4-11, ONE IOI SQUARE
IOI RESORT, 62502 PUTRAJAYA**

No. Telefon**03 8995 7000**

Tarikh**11 Jun 2014**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

Syarat Penyerahan/Penyempurnaan

Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki

Arahan Pengiriman -

Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda “No. Sebutharga **APMM/SH'B'/012/2014**.....”

Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengahari17.... hb****Jun 2014**.....

Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah **30/60/90** hari selepas tarikh tutup.

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1.	Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji dan Mentauliah Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) Pejabat Daerah Maritim Kudat Spesifikasi : Sila rujuk Lampiran 'A'.				
	*Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan			Jumlah	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

Tandatangan
 Penyebutharga

Nama dan K/P

Alamat
 Syarikat

Tarikh

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (iii) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (iv) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa Barang-barang

perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (v) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.
- (vi) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (vii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain salutan iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

11. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

(viii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(ii) Apa—apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

(i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.

(ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.

(iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.